

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Tinjauan

Dasar monetari dan keadaan kewangan kekal menyokong pertumbuhan...

Dasar monetari pada tahun 2006 terus memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dengan kestabilan harga. Dengan ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan mantap, disokong oleh permintaan domestik yang teguh serta persekitaran luar yang menggalakkan, cabaran utama dasar monetari adalah pengawalan inflasi. Di peringkat antarabangsa, tekanan inflasi terus membimbangkan disebabkan harga minyak mentah yang berterusan tinggi. Inflasi negara juga meningkat berikutan pelarasan dalam harga runcit petroleum dan tarif elektrik akibat kenaikan harga bahan api global.

Kadar dasar semalaman (OPR) telah dinaikkan sebanyak dua kali dalam separuh pertama 2006 bagi menjajarkan keadaan monetari dengan persekitaran ekonomi semasa. Bagaimanapun, OPR kekal di bawah tahap neutral, mencerminkan dasar monetari yang menyokong pertumbuhan. Kenaikan kadar faedah adalah secara beransur-ansur dan dari tahap yang terendah pernah dicatat. Kadar faedah semasa kekal menyokong aktiviti ekonomi dan pertumbuhan seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan mantap pinjaman bank, khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta isi rumah.

Peralihan rejim pertukaran ringgit kepada apungan terurus sejak 21 Julai 2005 memberikan kesan positif kepada ekonomi bagi membolehkan Malaysia bertindak balas dengan lebih baik kepada perubahan struktur dalam persekitaran serantau dan antarabangsa. Sehingga kini, ringgit telah mengukuh berbanding dolar Amerika, didorong oleh prestasi perdagangan Malaysia yang mantap, aliran modal yang mapan dan prospek pertumbuhan yang positif.

Landskap kewangan telah berubah secara progresif berikutan rasionalisasi institusi sedia ada di samping penubuhan institusi baru dan langkah untuk meningkatkan persaingan asing. Penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan menjadi entiti tunggal telah disempurnakan dengan jayanya pada Januari 2006, membawa kepada tahap kecekapan, kapasiti dan keupayaan yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan permintaan pengguna yang semakin canggih. Penggabungan bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun akan menyaksikan kemunculan bank pelaburan menjelang akhir tahun. Sistem kewangan juga menyaksikan integrasi serantau dan antarabangsa yang lebih meluas, berikutan kelulusan tiga institusi kewangan Islam asing di Malaysia, dengan sebuah daripadanya telah beroperasi. Selain itu, had penyertaan asing telah ditingkatkan kepada 49% bagi subsidiari Islam, pengendali takaful dan bank pelaburan. Fleksibiliti juga diberikan kepada institusi perbankan asing

yang diperbadankan di Malaysia (LIFB) untuk menubuhkan empat cawangan tambahan. Sementara itu, beberapa institusi kewangan tempatan juga telah menembusi pasaran asing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Malaysia juga terkenal sebagai pasaran modal Islam di peringkat antarabangsa kerana ia merupakan antara penerbit bon Islam yang paling aktif di dunia serta kejayaan menarik agensi supranasional menerbitkan bon berdenominasi ringgit yang mematuhi syariah di pasaran modal domestik. Antara inisiatif terkini untuk mempertingkatkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam ialah penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) pada Mac 2006 yang bertujuan membangunkan modal insan untuk industri kewangan Islam. Instrumen kewangan baru terus diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperluas dan memperdalamkan pasaran modal Islam.

Pasaran modal kekal sebagai sumber penting bagi pembiayaan aktiviti ekonomi, berjumlah RM1,161 bilion pada akhir Jun 2006 dengan pasaran hutang menyumbang RM439 bilion atau 80% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan pasaran ekuiti RM722 bilion atau 131.7% kepada KDNK. Langkah terus diambil untuk membangunkan pasaran modal yang cekap, berdaya tahan, dinamik dan kompetitif bagi menyokong ekonomi, terutamanya melalui Pelan Induk Pasaran Modal (CMP).

Inisiatif terkini yang diambil untuk membangunkan lagi pasaran modal termasuk membenarkan firma asing untuk disenaraikan di Bursa Malaysia dan syarikat Malaysia yang tersenarai di Papan Utama dibenarkan membuat penyenaian sekunder di luar negara. Niaga hadapan saham tunggal (SSF) telah diperkenalkan pada April 2006 bagi menyediakan satu lagi alat pengurusan risiko tambahan untuk pelabur. Pengenalan Siri Indeks Bursa FTSE pada Jun 2006 dijangka dapat meningkatkan visibiliti pasaran modal Malaysia di kalangan pelabur tempatan dan global. Persaingan dan integrasi antarabangsa dalam pasaran modal tempatan juga meningkat, berikutan kehadiran lima syarikat broker saham asing dan satu pengurus dana asing di Malaysia sejak akhir 2005.

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan...

Dasar monetari pada tahun 2006 terus menekankan pertumbuhan dalam persekitaran kestabilan harga. Prospek pertumbuhan ekonomi kekal cerah disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan sektor luar yang menggalakkan. Bagaimanapun, tekanan inflasi kekal akibat daripada peningkatan kos pengangkutan dan makanan, berikutan pelarasan harga runcit petroleum pada Februari 2006. Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.8% pada Mac 2006 yang merupakan kadar inflasi tertinggi dalam tempoh tujuh tahun, berikutan kenaikan 30 sen seliter harga runcit petrol pada 28 Februari. Bagaimanapun, IHP telah menyederhana dengan purata sebanyak 3.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 2.8%). Berasaskan prospek pertumbuhan domestik yang mapan dalam persekitaran inflasi yang meningkat, OPR telah dinaikkan sebanyak dua kali untuk menyelaraskan kadar faedah kepada keadaan ekonomi semasa. OPR telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas (bps) daripada 3.00% kepada 3.25% pada 22 Februari 2006 dan sebanyak 25 bps lagi kepada 3.50% pada 26 April 2006. Walaupun begitu, dasar monetari kekal menyokong aktiviti dan pertumbuhan ekonomi dengan OPR di bawah paras neutral.

Di peringkat antarabangsa, dasar monetari menjurus kepada pengetatan bagi mengurangkan tekanan inflasi kesan daripada harga minyak mentah yang berterusan tinggi serta tidak menentu seperti di *Jadual 5.1*. Amerika Syarikat (AS) telah menaikkan kadar *federal funds* sebanyak empat kali dalam tempoh enam bulan pertama 2006, daripada 4.25% kepada 5.25%. Kenaikan kadar faedah pada Jun 2006 merupakan peningkatan 25 bps kali ke-17 sejak Jun 2004. Dengan pelarasan kadar faedah terkini, perbezaan kadar faedah nominal berbanding kadar faedah dasar Malaysia telah melebar kepada 175 bps memihak kepada AS. Jepun memansuhkan dasar pelonggaran secara kuantitatif pada Mac 2006 dan meningkatkan kadar panggilan semalaman kepada 0.25% pada Julai 2006, yang merupakan kenaikan kali pertama dalam tempoh enam tahun. European Central Bank

JADUAL 5.1

Kadar Faedah Utama Negara Terpilih

Negara	Akhir 2005 (%)	15 Ogos 2006 (%)	Perubahan (mata asas)	Tarikh berkuat kuasa
AS (kadar dana persekutuan)	4.25	4.50	+25	31 Jan 2006
		4.75	+25	27 Mac 2006
		5.00	+25	11 Mei 2006
		5.25	+25	30 Jun 2006
Australia (sasaran kadar tunai)	5.50	5.75	+25	3 Mei 2006
		6.00	+25	2 Ogos 2006
		0.25	+25	14 Julai 2006
Jepun (kadar diskaun rasmi)	0.00	2.50	+25	8 Mac 2006
Kawasan euro (kadar pembiayaan semula)	2.25	2.75	+25	8 Jun 2006
		3.00	+25	3 Ogos 2006
		4.75	+25	3 Ogos 2006
UK (kadar repo)	4.50	5.85	+27	27 Apr 2006
China (kadar pinjaman)	5.58	6.12	+27	18 Ogos 2006
		7.50	0	20 Okt 2005
Filipina (kadar panggilan semalaman)	7.50	12.50	-25	9 Mei 2006
Indonesia (kadar diskaun 1-bulan)	12.75	12.25	-25	6 Julai 2006
		11.75	-50	8 Ogos 2006
		4.00	+25	9 Feb 2006
Republik Korea (kadar utama)	3.75	4.25	+25	8 Jun 2006
		4.50	+25	9 Ogos 2006
		3.25	+25	22 Feb 2006
Malaysia (kadar dasar semalaman)	3.00	3.50	+25	26 Apr 2006
		4.25	+25	18 Jan 2006
Thailand (kadar belian semula 14-hari)	4.00	4.50	+25	8 Mac 2006
		4.75	+25	10 Apr 2006
		5.00	+25	7 Jun 2006

Sumber: Bank Pusat dan Bloomberg.

(ECB) menaikkan kadar pembiayaan semula tiga kali sebanyak 25 bps daripada 2.25% kepada 3.00% pada Ogos 2006. Ekonomi serantau termasuk Republik Korea, Thailand, China dan India juga telah menaikkan kadar faedah utama untuk mengawal tekanan inflasi.

Peralihan kepada rejim apungan terurus sejak 21 Julai 2005 berjalan lancar dan memberikan kesan positif kepada ekonomi negara. Di bawah rejim sekarang, kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh keadaan pasaran dan asas ekonomi. Yang lebih penting, rejim apungan terurus membolehkan Malaysia bertindak balas dengan lebih baik kepada perubahan struktur di persekitaran serantau dan antarabangsa. Matlamat utama dasar kadar pertukaran kekal tertumpu kepada menggalakkan kestabilan dan ini penting untuk ekonomi Malaysia yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan.


Perkembangan Monetari

Bekalan wang dan pembiayaan sektor swasta berkembang mapan...

Agregat monetari berkembang dengan sederhana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang mapan pada separuh pertama 2006. **Wang secara kecil atau M1** meningkat 10.1% pada Jun 2006 (akhir 2005: 8.5%), menggambarkan permintaan kukuh terhadap baki urus niaga daripada isi rumah dan perniagaan seperti di *Carta 5.1*. **Wang secara meluas atau M3** meningkat sebanyak 6.4% pada Jun 2006 (akhir 2005: 8%). Pengembangan bekalan wang yang lebih sederhana disebabkan kenaikan yang lebih perlahan dalam operasi luar bersih, sementara tuntutan ke atas sektor swasta kekal memberi kesan pengembangan. Bagaimanapun, ia diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih ke atas Kerajaan yang lebih rendah seperti di *Jadual 5.2*.

CARTA 5.1

Agregat Monetari (perubahan tahunan)

¹ Pada akhir Jun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kadar faedah sistem perbankan meningkat seiring dengan pelarasan dalam OPR. Kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan meningkat kepada 6.34% pada akhir Februari 2006 (akhir 2005: 6.20%) berikutan kenaikan dalam OPR pada 22 Februari. BLR terus meningkat kepada 6.72% pada akhir Mei 2006 berikutan kenaikan OPR kali kedua pada 26 April dan kekal pada akhir Jun 2006 seperti di *Jadual 5.3*. Kadar purata pinjaman bank perdagangan juga telah dinaikkan. Bagaimanapun, pelarasan kadar faedah bagi deposit tabungan dan deposit tetap 1 hingga 12 bulan lebih rendah berbanding pelarasan kadar pinjaman. Justeru, pulangan sebenar deposit adalah kekal negatif kesan daripada kadar inflasi yang lebih tinggi.

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui pengeluaran pinjaman sistem perbankan serta sekuriti hutang swasta (PDS) dan ekuiti yang diperoleh melalui pasaran modal meningkat lebih sederhana sebanyak 2.5% kepada RM279.7 bilion pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 10.6%; RM272.7 bilion) seperti di *Carta 5.2*. Pengeluaran pinjaman sistem perbankan bertambah dengan sederhana sebanyak 3.1%

JADUAL 5.2

Faktor Penentu M3 Januari-Jun

	Perubahan (RM juta)	
	2005	2006
M3	34,633.6	26,536.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-13,755.3	-8,026.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	15,382.6	19,433.0
Pinjaman	20,631.9	19,133.6
Sekuriti	-5,249.3	299.4
Operasi luar bersih	31,290.5	24,653.2
Bank Negara Malaysia	32,476.2	24,010.6
Sistem perbankan	-1,185.7	642.6
Pengaruh lain	1,715.8	-9,522.7

M1: Mata wang dalam edaran + Deposit permintaan

M2: M1 + Separuh wang secara kecil

M3: M2 + Deposit yang disimpan dengan institusi perbankan lain

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.3


Kadar Faedah Bank Perdagangan

	Akhir (%)			
	1998	2005	Akhir Jun 2006	Perubahan akhir Jun 2005 berbanding akhir 2005
Berian pinjaman asas	8.04	6.20	6.72	0.52
Berian pinjaman purata	9.72	6.12	6.55	0.43
Deposit tabungan	3.87	1.41	1.47	0.06
Deposit tetap				
1-bulan	5.82	3.01	3.11	0.10
3-bulan	5.83	3.02	3.18	0.16
6-bulan	5.76	3.04	3.32	0.28
9-bulan	5.74	3.08	3.45	0.37
12-bulan	5.74	3.70	3.75	0.05

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



¹ Pada akhir Jun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada RM264.2 bilion (Januari-Jun 2005: 9.1%; RM256.2 bilion) seperti di *Jadual 5.4*. Bagaimanapun, ia diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan kukuh PDS yang dijana oleh sektor swasta. Jumlah PDS terus berkembang sebanyak 29.5% kepada RM15.7 bilion pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 30.4%; RM12.1 bilion). Sejak beberapa tahun ini, sektor swasta semakin menggunakan pasaran PDS sebagai sumber pembiayaan. Jumlah PDS terkumpul berjumlah RM220 bilion dan mencakupi 40.1% daripada KDNK pada akhir Jun 2006 berbanding 16.5% pada akhir 1998.

Permohonan pinjaman sistem perbankan, bagaimanapun, berkurang 4.6% kepada RM142.4 bilion pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 15.7%; RM149.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh penyusutan dalam permintaan pinjaman oleh sektor perniagaan. Permintaan isi rumah bagi pembiayaan terus kukuh dengan permohonan pinjaman kekal seperti tahap tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pertumbuhan

pinjaman terkumpul terus mapan sebanyak 8.6% pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 8.6%) seperti di *Carta 5.3* dan *Jadual 5.5*. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan terus disalurkan, terutamanya kepada sektor pembuatan berjumlah RM59.9 bilion atau 22.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman, diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran (RM47.4 bilion; 17.9%) dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (RM20.3 bilion; 7.7%) seperti di *Carta 5.4*.

JADUAL 5.4

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari-Jun

Penunjuk	RM bilion		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2005	2006	2005	2006
Jumlah				
Permohonan pinjaman	149.3	142.4	15.7	-4.6
Kelulusan pinjaman	90.2	94.0	7.7	4.3
Pengeluaran pinjaman	256.2	264.2	9.1	3.1
Pinjaman terkumpul ¹	533.6	579.3	8.3	8.6
di mana:				
Sektor perniagaan				
Permohonan pinjaman	78.7	68.8	15.0	-12.6
Kelulusan pinjaman	41.8	41.7	2.5	-0.2
Pengeluaran pinjaman ²	86.9	101.4	11.1	16.6
Pinjaman terkumpul ¹	221.6	230.7	2.8	4.1
PKS				
Permohonan pinjaman	29.5	29.0	17.7	-1.8
Kelulusan pinjaman	17.2	17.4	21.4	1.5
Pengeluaran pinjaman	53.0	65.6	124.1	23.6
Pinjaman terkumpul ¹	91.4	102.4	9.1	12.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	68.4	68.4	15.0	0.0
Kelulusan pinjaman	47.4	46.2	12.6	-2.5
Pengeluaran pinjaman ²	69.5	72.3	11.7	3.9
Pinjaman terkumpul ¹	282.4	320.0	14.6	13.3


¹ Pada akhir tempoh.

² Data bagi April hingga Jun adalah tertakluk kepada semakan berikutan perubahan klasifikasi petunjuk pinjaman.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul dan Pertumbuhan



¹ Pada akhir Jun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Usaha terus diambil untuk memperkukuhkan pembangunan PKS, sejajar dengan objektif meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi. Inisiatif terkini untuk memudahkan lagi akses PKS kepada pembiayaan, termasuk memperkenalkan produk pembiayaan perdagangan yang baru, penubuhan portal PKS yang menyediakan maklumat komprehensif mengenai akses pembiayaan serta penambahan peruntukan sebanyak RM2.5 bilion kepada dua tabung khas.

Sistem perbankan juga terus menyokong keperluan pembiayaan PKS, dengan pinjaman kepada PKS terus memacu pertumbuhan pinjaman kepada sektor perniagaan. Jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat 12% kepada RM102.4 bilion pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 8.7%; RM96 bilion). Pinjaman terkumpul kepada PKS disalurkan terutamanya kepada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, merupakan 27.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul, pembuatan (23.7%) dan pembinaan (14.1%).

Pinjaman bank kepada sektor isi rumah kekal kukuh, disokong oleh persekitaran pembiayaan yang baik, pendapatan yang meningkat dan pasaran buruh yang stabil. Pinjaman terkumpul kepada isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 13.3% kepada RM320 bilion pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 15.1%; RM304.4 bilion). Pengeluaran pinjaman sebahagian besarnya adalah untuk perbelanjaan kad kredit, mencakupi 31.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman isi rumah serta pembelian harta kediaman (25.9%). Penggunaan kad kredit terus meningkat, didorong oleh pertumbuhan penggunaan swasta dan promosi agresif kad kredit.

Prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding mata wang utama pada tempoh akhir 2005 hingga 15 Ogos 2006 seperti di *Carta 5.5* dan *Jadual 5.6*. Ringgit mengukuh berbanding dolar AS tetapi menyusut nilai berbanding euro dan paun sterling. Ringgit disokong oleh prestasi perdagangan yang kukuh, aliran masuk modal yang mapan dan prospek pertumbuhan yang baik. Berbanding mata wang serantau, ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur. Sesetengah mata wang serantau telah menjadi kukuh, berikutan beberapa kenaikan kadar faedah untuk membendung inflasi disebabkan harga minyak mentah yang tinggi. Sejak pemansuhan tambatan ringgit hingga 15 Ogos 2006, ringgit telah mengukuh sebanyak 5% berbanding dolar AS dan 9.1% berbanding yen.

Kedudukan Sistem Perbankan

Sistem perbankan kekal teguh...

Sistem perbankan kekal teguh dengan permodalan dan keuntungan yang kukuh serta kualiti aset yang bertambah baik pada enam bulan pertama 2006, disokong oleh persekitaran makroekonomi yang baik. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal di paras yang tinggi sebanyak 12.9% dan 10.1% pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 13.6%; 10.7%), terus melebihi keperluan minimum Basel sebanyak 8% dan 4%. Sistem perbankan mencatat

JADUAL 5.5

Sistem Perbankan: Haluan Berian Pinjaman¹

Sektor	RM bilion		Perubahan	%
	Disember 2005	Akhir Jun 2006		Sumbangan Akhir Jun 2005
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	10,978.9	12,038.4	7.8	2.1
Perlombongan dan kuari	810.5	1,410.4	55.8	0.2
Pembuatan	60,731.9	66,165.3	5.5	11.4
Elektrik, gas dan air	4,628.8	5,339.9	6.1	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	47,041.9	49,631.9	9.0	8.6
Sektor harta benda yang luas	228,959.4	241,692.4	11.0	41.7
Pembinaan	29,991.9	31,560.5	4.7	5.4
Harta kediaman	149,198.5	156,000.6	10.8	26.9
Rumah bukan kediaman	35,123.3	37,097.6	13.4	6.4
Harta tanah	14,645.8	17,033.7	20.6	2.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	11,356.4	10,826.9	10.7	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	30,143.5	36,720.4	19.8	6.3
Kredit penggunaan	123,365.9	127,214.8	13.8	22.0
di mana:				
Kad kredit	16,692.9	17,318.5	15.3	3.0
Pembelian kereta penumpang	86,481.0	90,249.8	15.2	15.6
Pembelian sekuriti	20,904.4	19,646.5	1.3	3.4
Pembelian kenderaan pengangkutan	2,855.6	2,124.2	-16.6	0.4
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	5,726.9	4,496.9	-25.4	0.8
Lain-Lain	10,561.6	2,040.6	-80.5	0.4
Jumlah pinjaman terkumpul²	558,065.6	579,348.7	8.6	100.0

¹ Termasuk bank Islam.² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

keuntungan sebelum cukai berjumlah RM6.1 bilion pada enam bulan pertama 2006, berikutan pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi.

Kualiti aset sistem perbankan terus meningkat dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun kepada 4.2% pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 4.6%), tahap terendah sejak krisis kewangan Asia seperti di *Carta* 5.6. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan juga bertambah baik kepada 5.5% (akhir 2005: 5.8%).


Transformasi Landskap Sektor Kewangan

Kemunculan bank pelaburan...

Landskap sektor kewangan terus berubah secara progresif berikutan rasionalisasi di kalangan institusi kewangan sedia ada, membawa kepada penamatan secara berperingkat institusi tradisional seperti syarikat kewangan dan syarikat diskaun. Konsolidasi bank perdagangan dan syarikat kewangan menjadi entiti tunggal telah disempurnakan pada Januari 2006, manakala penggabungan bank saudagar, syarikat

CARTA 5.4

**Pinjaman Diluluskan dan Dikeluarkan Mengikut Sektor:
Nilai dan Sumbangan
Januari - Jun 2006**



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.6


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Mata wang	RM kepada mata wang asing ¹			Perubahan (%)	
	21 Julai 2005	Akhir 2005	15 Ogos 2006	21 Julai 2005	Akhir 2005
Dolar AS	3.8000	3.7800	3.6185	5.0	4.5
Paun sterling	6.6270	6.5226	6.9579	-4.3	-6.3
Euro	4.6212	4.4867	4.6867	-1.3	-4.3
Yen Jepun (100)	3.3745	3.2229	3.1589	9.1	2.0
Dolar Singapura	2.2570	2.2714	2.3283	-1.2	-2.4
Baht Thailand (100)	9.0681	9.2049	9.8502	-6.5	-6.6
Peso Filipina (100)	6.8131	7.1254	7.1597	-4.9	-0.5
Rupiah Indonesia (100)	0.0386	0.0385	0.0404	-4.0	-4.7
Won Korea (100)	0.3665	0.3739	0.3812	-2.1	-1.9
Yuan China	0.4686	0.4686	0.4606	1.7	1.7

¹ Kadar antara bank pada 12.00 tengahari di Kuala Lumpur adalah purata antara harga belian tertinggi dan harga jualan terendah.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

¹ Pada 15 Ogos 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg.

broker saham dan syarikat diskaun sedang dilaksanakan. Proses transformasi kepada bank pelaburan dijangka akan diselesaikan pada akhir tahun 2006. Rasionalisasi ini bertujuan untuk terus meningkatkan kapasiti dan keupayaan sistem kewangan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berubah dan berbeza. Sistem perbankan juga mencatatkan satu penggabungan yang melibatkan dua kumpulan perbankan domestik dalam tempoh enam bulan pertama 2006.

Sektor kewangan juga sedang diliberalisasikan secara berperingkat. LIFB yang beroperasi di Malaysia telah dibenarkan membuka empat cawangan tambahan dalam tempoh satu tahun berkuat kuasa 1 Januari 2006. Fleksibiliti ini akan membolehkan LIFB menyertai ekonomi domestik dengan lebih berkesan.

Sementara itu, pelaksanaan **Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK)** berjalan lancar dengan akhir tahun 2005 menandakan

peringkat pertengahan tempoh perancangan 10 tahun (2001-2010). Sehingga 30 Jun 2006, 49 perakuan telah disempurnakan, sementara 29 perakuan lagi dilaksanakan secara berterusan. Inisiatif pembinaan kapasiti akan diperhebatkan dalam baki tempoh Fasa 2 PISK bagi menyediakan sektor kewangan domestik untuk integrasi global selanjutnya sambil mara ke fasa ketiga PISK.


Perkembangan Kewangan Islam

Inisiatif seterusnya untuk menonjolkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka...

Inisiatif ditingkatkan untuk menonjolkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka. Inisiatif utama ialah penubuhan INCEIF yang telah memulakan operasi pada Mac 2006. INCEIF akan menjadi pusat kecemerlangan

CARTA 5.6

**Sistem Perbankan:
NPL Kasar, Nisbah NPL Bersih dan
Nisbah Modal Berwajaran Risiko**



¹ Pada akhir Jun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pendidikan antarabangsa dalam kewangan Islam dengan membangunkan profesional dan pakar dalam kewangan Islam bagi memenuhi keperluan industri. Di samping itu, penyertaan ekuiti asing dalam institusi kewangan Islam sehingga 49% juga akan membantu menampilkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam. Sementara itu, produk kewangan Islam yang baru terus diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi memperluas dan memperdalamkan pasaran modal Islam domestik. Sukuk Ijarah BNM yang diperkenalkan pada Februari 2006, akan menambah kepelbagaian instrumen untuk mengurus mudah tunai dalam pasaran wang Islam di samping berperanan sebagai tanda aras bagi penerbitan bon Islam lain.

Sejajar dengan liberalisasi secara progresif dalam industri perbankan Islam, usaha strategik telah diambil bagi memperkukuhkan lagi kapasiti institusi dan daya tahan kewangan institusi perbankan Islam domestik. Sehubungan ini, tujuh kumpulan perbankan domestik telah diberi kelulusan untuk mentransformasikan struktur

Kemajuan Bank Pelaburan Pada Akhir Jun 2006

- Kemajuan pesat telah dicapai dalam proses rasionalisasi pengantara pasaran modal kepada bank pelaburan. Semua kumpulan perbankan telah mendapat kelulusan yang diperlukan daripada Menteri Kewangan untuk mengubah bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun dalam kumpulan mereka menjadi bank pelaburan.
- Kumpulan perbankan sedang dalam proses pelaksanaan program rasionalisasi. Sementara menunggu penyelesaian proses ini, bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun dalam kumpulan perbankan akan terus beroperasi sebagai entiti sah yang berasingan. Syarikat diskaun yang bukan dalam kumpulan perbankan juga diberikan fleksibiliti yang sama untuk menyempurnakan proses transformasi menjadi bank pelaburan. Proses transformasi menjadi bank pelaburan dijangka disempurnakan pada 31 Disember 2006.
- BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah selesai menyempurnakan kajian usaha wajar ke atas broker universal. Broker universal kini dalam proses mengemukakan permohonan untuk menjadi bank pelaburan kepada BNM dan SC. Bagaimanapun, mereka diberikan fleksibiliti untuk menentukan tempoh masa yang diperlukan untuk mereka menjadi bank pelaburan.

institusi “jendela Islam” kepada subsidiari Islam dalam kumpulan perbankan mereka bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam yang mana enam telah mula beroperasi. Sementara itu, satu bank Islam asing juga telah mula beroperasi sejak Ogos 2005, berikutan kelulusan kepada tiga institusi kewangan Islam asing untuk beroperasi di Malaysia. BNM juga telah meluluskan empat lesen takaful baru kepada konsortium dan usaha sama antara institusi kewangan domestik dan antarabangsa pada tahun 2006. Pengendali takaful baru akan membantu menyumbang kepada pembangunan industri takaful di Malaysia serta menyokong usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang terkemuka.

Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC)

Satu lagi pencapaian penting ialah pelancaran inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) pada Ogos 2006. Inisiatif MIFC akan memperkenalkan langkah dan insentif untuk mempromosikan pusat ini dalam menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa oleh pelbagai institusi kewangan kepada komuniti kewangan antarabangsa dan domestik. Antara langkah utama termasuk seperti berikut:

- i. Penubuhan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa dalam bank Islam Malaysia dan pengendali takaful untuk menawarkan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa. Bahagian ini boleh menikmati insentif cukai yang akan diperkenalkan;
- ii. Pengeluaran lesen bersyarat baru di bawah Akta Bank Islam 1983 dan pendaftaran bersyarat baru di bawah Akta Takaful 1984 kepada institusi kewangan asing dan Malaysia yang layak untuk menjalankan perbankan Islam dan perniagaan takaful sepenuhnya dalam mata wang antarabangsa dan menikmati insentif cukai yang serupa seperti yang diberikan kepada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa;
- iii. Bank Islam luar pesisir Labuan dan bahagian Islam bank luar pesisir serta pengendali takaful luar pesisir diberi fleksibiliti yang lebih luas untuk membuka pejabat operasi di mana jua di Malaysia; dan
- v. Penubuhan Jawatankuasa Eksekutif MIFC sebagai satu jawatankuasa penyelarasan tunggal untuk bertindak dengan cekap dan berkesan secara bersama dalam pelaksanaan inisiatif.

Sistem permohonan dalam talian secara automatik bagi produk kewangan Islam yang baru telah berjaya dilaksanakan berikutan pelaksanaan Sistem Kelulusan dan Wadah Penyimpanan Produk (PARS) pada Februari 2006. PARS bertujuan mempercepatkan pemprosesan produk

baru bagi kelulusan serta menyediakan wadah penyimpanan produk perbankan Islam. Pada Februari 2006, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) mengeluarkan dua piawaian, iaitu Piawaian Kecukupan Modal (CAS) dan Prinsip Panduan Pengurusan Risiko (Prinsip Panduan) untuk institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. CAS dan Prinsip Panduan merupakan dua piawaian antarabangsa pertama yang dikeluarkan oleh IFSB bertujuan mengawal selia rangka kerja pengawalan dan penyeliaan kehematan bagi institusi perbankan Islam.

Prestasi Industri Perbankan Islam

Perbankan Islam terus berkembang...

Industri perbankan Islam terus berkembang pada tahun 2006. Aset perbankan Islam meningkat 5% kepada RM117,393 juta, manakala deposit berkembang sebanyak 2.8% kepada RM86,216 juta pada enam bulan pertama 2006 seperti di *Jadual 5.7*. Pembiayaan oleh institusi perbankan Islam meningkat 3.6% kepada RM69,320 juta pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM67,365 juta), terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pembiayaan untuk pembelian kenderaan pengangkutan berjumlah

JADUAL 5.7

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		(%)
	Akhir 2005	Akhir Jun 2006	Perubahan
Aset	111,823.5	117,393.2	5.0
Deposit	83,874.8	86,216.5	2.8
di mana:			
Pelaburan	44,579.3	43,836.2	-1.7
Simpanan	9,504.5	10,096.0	6.2
Permintaan	14,785.6	15,994.0	8.2
Lain-lain	15,005.4	16,290.3	8.6
Pembiayaan	67,364.6	69,820.4	3.6
di mana:			
PKS	8,608.0	8,908.0	3.5
Syarikat besar	16,983.1	17,926.9	5.6
Isi rumah	41,773.5	42,985.5	2.9

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kad Kredit di Malaysia – Satu Sorotan

Kad Kredit Dalam Edaran

Kad kredit di Malaysia berkembang pesat dengan mencatat pertumbuhan kadar dua angka. Sepanjang tempoh 2001 - 2005, kad kredit telah merekodkan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 22.7%. Persaingan sengit serta usaha promosi yang agresif oleh institusi perbankan telah menyumbang kepada peningkatan jumlah warga Malaysia yang memiliki kad kredit. Bilangan kad kredit dalam edaran telah meningkat kepada 8.4 juta pada akhir Jun 2006.

Bilangan Kad Kredit Dalam Edaran

(juta)


Tahun (Akhir tempoh)	Kad Utama	Kad Tambahan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan (%)
2001	2.84	0.59	3.84	21.6
2002	3.63	0.73	4.36	27.1
2003	4.22	0.88	5.10	17.0
2004	5.37	1.21	6.58	29.0
2005	6.62	1.20	7.82	18.8
Jun 2006	7.35	1.05	8.40	17.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Urus Niaga Kad Kredit Berbanding Pendahuluan Tunai

Urus niaga kad kredit meningkat seiring dengan pertambahan dalam bilangan pemegang kad serta pertumbuhan kukuh penggunaan swasta. Urus niaga kad kredit meningkat 17.3% kepada hampir RM41 bilion pada tahun 2005 (2004: 18.8%; RM34.9 bilion). Sebahagian besar urus niaga kad kredit adalah untuk pembelian barangan dan perkhidmatan. Kerancangan aktiviti promosi oleh institusi perbankan, termasuk pengenalan ganjaran insentif dan terma bayaran yang lebih mudah untuk pembelian barangan pengguna telah menggalakkan pengguna berbelanja menggunakan kad kredit.

Urus Niaga Kad Kredit Pemegang Kad Warga Malaysia



Dengan sebahagian besar kad kredit digunakan untuk urus niaga pembelian, sumbangan pendahuluan tunai kepada jumlah urus niaga kad kredit telah menunjukkan arah aliran yang menurun. Pada Jun 2006, pendahuluan tunai mencakupi 6.9% daripada jumlah urus niaga kad kredit, iaitu lebih rendah daripada 7.2% pada tahun 2005 dan 7.5% pada tahun 2004.

Pinjaman Tidak Berbayar Kad Kredit

Walaupun bilangan pemegang dan urus niaga melalui kad kredit meningkat dengan ketara, pinjaman tidak berbayar (NPL) kad kredit hanya menyumbang 1.4% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan pada akhir 2005. Di samping itu, data BNM juga menunjukkan bahawa sebanyak 60% daripada pengguna kad kredit membayar balik pinjaman kad kredit mereka sepenuhnya.

Pinjaman Tidak Berbayar Kad Kredit

Tahun (Akhir Tempoh)	(RM juta)		Sum- bangan (%)
	NPL Kad Kredit	Jumlah NPL Sistem Perbankan	
2001	409.4	67,828.3	0.6
2002	434.3	63,676.4	0.7
2003	578.6	58,271.5	1.0
2004	663.9	55,064.7	1.2
2005	743.7	52,151.0	1.4
Jun 2006	597.2	52,069.8	1.1

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kemuflihan Kad Kredit

Tahun	Kemuf- lisan Kad (RM juta)	Jumlah Terlibat (RM juta)	Jumlah Kemuflihan	% Kemuflihan Kad Kredit daripada Jumlah
2001	952	23.3	11,685	8.1
2002	1,117	28.2	12,268	9.1
2003	1,152	33.0	12,351	9.3
2004	1,397	38.7	16,251	8.6
2005	1,479	44.4	15,868	9.3
Jumlah	6,884	183.9	78,141	8.8

Nota: Merujuk kepada individu yang diisytihar mufliis.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kemuflihan Kad Kredit

Walaupun bilangan kemuflihan yang disebabkan kad kredit telah bertambah, tetapi peratusan kemuflihan kad kredit terus mencakupi kurang 10% daripada jumlah kemuflihan. Bagi tempoh 2001 hingga 2005, kes kemuflihan disebabkan oleh hutang kad kredit adalah kurang daripada 7,000 kes berbanding jumlah kemuflihan sebanyak 78,141 kes.

Inisiatif Utama Untuk Pengguna

Beberapa langkah telah diambil untuk menangani isu kredit yang mungkin dihadapi oleh isi rumah dan individu yang berbelanja melebihi pendapatan. Ini termasuk laman web BNM mengenai InfoPerbankan yang bertujuan mendidik pengguna mengenai kewangan peribadi. Antara lain, InfoPerbankan mengandungi maklumat mengenai caj yang

berkaitan dengan kad kredit serta panduan memilih kad kredit, mengurangkan caj kad kredit dan cara untuk mengelak daripada terlalu berhutang. Pengeluar kad kredit juga dikehendaki menjalankan penilaian dan pengesahan kepercayaan kredit pemohon secara berhemat melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) BNM. Di samping itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), yang mula beroperasi pada April 2006, menyediakan khidmat kaunseling dan bantuan percuma kepada individu berhubung pengurusan kewangan dan pendidikan serta penyusunan semula hutang.

Meskipun pelbagai langkah telah diambil, namun yang penting adalah disiplin kewangan pengguna semasa berbelanja menggunakan kad kredit. Pengguna harus sentiasa beringat bahawa kad kredit perlu digunakan sebagai instrumen yang memudahkan pembayaran serta sentiasa berbelanja dengan berhemat.

RM945 juta. Dari segi bahagian pasaran, aset perbankan Islam mencakupi 11.8% daripada jumlah aset sektor perbankan pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 11.6%). Sementara itu, pembiayaan dan deposit perbankan Islam menyumbang 15.6% dan 11.6% kepada jumlah pinjaman dan deposit sistem perbankan pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 15.5%; 11.7%). Dari segi pembiayaan mengikut tujuan, pembelian kenderaan pengangkutan mencakupi bahagian terbesar dengan RM21,784 juta atau 31.2% daripada jumlah pembiayaan Islam pada akhir Jun 2006 seperti di *Jadual 5.8*.

Kualiti aset sektor perbankan Islam bertambah baik dengan nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih berkurang daripada 4.8% pada akhir 2005 kepada 3.8% pada akhir Jun 2006. Sektor perbankan Islam juga mengekalkan kekukuhan modal dengan jumlah modal asas meningkat kepada RM11.4 bilion pada akhir Jun 2006, terutamanya disebabkan oleh suntikan modal baru berikutan penubuhan tiga subsidiari Islam baru. Sektor perbankan Islam juga mencatatkan RWCR dan CCR yang kukuh sebanyak 15% dan 12% pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 14.1%; 11.3%).

JADUAL 5.8

Sistem Perbankan Islam: Haluan Berian Pembiayaan

Tujuan	Akhir Jun 2006 (RM juta)	Sumb. (%)
Pembinaan	1,132.20	1.6
Harta tanah	19,364.70	27.7
Kegunaan persendirian	4,605.30	6.6
Kad kredit	494.10	0.7
Pembelian barangan kegunaan	41.30	0.1
Pembelian sekuriti	842.50	1.2
Pembelian kenderaan pengangkutan	21,784.40	31.2
Pembelian aset tetap	577.10	0.8
Penggabungan dan pengambilalihan	2.00	0.0
Modal kerja	14,319.90	20.5
Tujuan lain	6,656.90	9.5
Jumlah	69,820.40	100.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Institusi Kewangan Pembangunan

IKP terus membiayai pembangunan sektor ekonomi strategik...

Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus menyediakan pembiayaan untuk menyokong pembangunan sektor yang disasarkan, termasuk pertanian, industri teknologi tinggi dan berintensif modal, infrastruktur dan PKS serta eksport. Jumlah pinjaman terkumpul yang disalurkan oleh IKP meningkat 9.4% kepada RM52 bilion pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 25.8%; RM47.5 bilion) seperti di *Jadual 5.9*. Daripada jumlah pembiayaan, sebanyak 24.8% atau RM12.9 bilion merupakan pinjaman kepada PKS, terutamanya di sektor pembinaan serta pengangkutan dan komunikasi. Lebih tiga perempat daripada pinjaman PKS adalah untuk usahawan Bumiputera.

Peningkatan pinjaman pada separuh pertama 2006 disebabkan terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi bagi projek infrastruktur, kredit penggunaan dan pembelian harta kediaman. Pinjaman infrastruktur oleh Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB) meningkat 9.5% dan mencakupi 28% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP, terutamanya untuk membiayai aktiviti dalam sektor pembinaan dan utiliti. Sementara itu, kredit penggunaan meningkat 13.5%, mencerminkan permintaan mapan bagi pinjaman peribadi daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd dan Bank Simpanan Nasional Bhd (BSN). Pertumbuhan pinjaman perumahan juga kekal tinggi pada 13.9% dalam persekitaran kadar faedah yang kompetitif. Kredit penggunaan dan pinjaman perumahan mencakupi 30.7% dan 12% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia kepada sektor pertanian meningkat 2.9% atau RM90.4 juta kepada RM3.3 bilion pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM3.2 bilion), terutamanya kepada sektor perikanan, pertanian dan penternakan.

Jumlah dana IKP bertambah sebanyak 3.9% kepada RM103 bilion pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM99.2 bilion) seperti di *Jadual 5.10*. Peningkatan ini disebabkan terutamanya

JADUAL 5.9

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Berian Pinjaman

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2005	Akhir Jun 2006	Akhir 2005	Akhir Jun 2006
Pembuatan	4,633.4	4,627.2	9.8	8.9
Pertanian	3,359.2	3,443.7	7.1	6.6
Elektrik, gas dan bekalan air	2,253.0	2,687.0	4.7	5.2
Harta benda meluas	12,267.5	14,244.2	25.8	27.4
di mana:				
Pembinaan	5,120.5	5,994.1	10.8	11.5
Harta kediaman	5,465.1	6,225.3	11.5	12.0
Kredit penggunaan	14,045.1	15,939.3	29.6	30.7
Pengangkutan dan komunikasi	6,539.4	6,497.1	13.8	12.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	864.1	990.7	1.8	1.9
Lain-lain	3,557.7	3,571.4	7.5	6.9
Jumlah	47,519.4	52,000.6	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Bhd, Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, Bank Simpanan Nasional Bhd, Export-Import Bank of Malaysia Bhd, Bank Pertanian Malaysia, Malaysia Industrial Development Finance Bhd, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd, Lembaga Tabung Haji, Sabah Development Bank Bhd, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn Bhd dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn Bhd.

² Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Bhd dan Malaysia Export Credit Insurance Bhd dan tidak termasuk SME Bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

oleh pengembangan dalam dana pemegang saham kepada RM15 bilion (akhir 2005: RM12.7 bilion), berikutan suntikan modal oleh Kerajaan ke dalam BSN, BPMB, Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank) dan Export-Import Bank of Malaysia (EXIM Bank). Deposit yang digembleng oleh IKP pengambil deposit dan peminjaman daripada Kerajaan kekal sebagai sumber pembiayaan utama untuk menyokong aktiviti IKP dengan mencakupi 52.6% dan 14.7% daripada jumlah dana.

Prestasi Industri Insurans

Pertumbuhan industri insurans yang lebih perlahan...

Jumlah pendapatan premium **industri insurans** bagi perniagaan hayat dan am meningkat sedikit pada kadar 2.4% kepada RM11,825 juta pada

separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 8.7%; RM11,549 juta) seperti di *Jadual 5.11*. Peningkatan yang sederhana ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor insurans hayat, yang merupakan 67% daripada pendapatan premium industri.

Pendapatan premium yang lebih rendah untuk **sektor insurans hayat** terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dalam premium perniagaan baru, bagaimanapun, diimbangi oleh sumbangan kukuh daripada premium tahunan perniagaan berkuat kuasa. Dalam separuh pertama 2006, premium perniagaan baru menguncup sebanyak 11.4% kepada RM3,217 juta (Januari-Jun 2005: 14.3%; RM3,630 juta), terutamanya disebabkan oleh pengurangan jualan produk endowmen premium tunggal dengan modal dijamin. Bagaimanapun, perniagaan berkaitan pelaburan kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak

JADUAL 5.10

**Institusi Kewangan Pembangunan:
Sumber dan Kegunaan Dana**
(RM juta)

	Akhir 2005	Akhir Jun 2006
Sumber		
Dana pemegang saham	12,756.8	15,004.7
Modal berbayar	8,563.5	10,219.9
Rizab	2,244.8	2,245.7
Pendapatan tertahan	607.9	1,721.4
Keuntungan/(kerugian)	1,340.6	817.7
Deposit diterima	54,251.3	54,233.0
Pinjaman	20,523.0	20,937.9
Kerajaan	14,828.8	15,156.1
Agensi antarabangsa/luar/ multilateral	4,300.8	4,422.3
Lain-lain	1,393.4	1,359.5
Lain-lain	11,629.1	12,845.2
Jumlah	99,160.2	103,020.8
Penggunaan		
Deposit diletak	14,162.6	15,294.1
Sekuriti pelaburan	22,984.2	21,465.5
di mana:		
Sekuriti	10,616.4	10,359.6
Saham disebutbarga	6,850.2	6,873.1
Saham tidak disebutbarga	314.4	313.1
Pinjaman dan pendahuluan	47,519.4	52,000.6
Aset tetap	3,910.2	3,945.6
Lain-lain	10,583.8	10,315.0
Jumlah	99,160.2	103,020.8
Kontingensi		
Jaminan	6,335.9	7,263.6
Insurans kredit eksport	743.8	812.3
Jumlah	7,079.7	8,075.9

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Bhd, Bank Perusahan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, Bank Simpanan Nasional Bhd, Export-Import Bank of Malaysia Bhd, Bank Pertanian Malaysia, Malaysia Industrial Development Finance Bhd, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd, Lembaga Tabung Haji, Sabah Development Bank Bhd, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn Bhd dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn Bhd.

² Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Bhd dan Malaysia Export Credit Insurance Bhd dan tidak termasuk SME Bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

55.9% kepada RM1,277 juta (Januari-Jun 2005: -31%; RM819 juta). Polisi berkaitan pelaburan dan endowmen hayat biasa mencakupi RM1,957 juta atau 60.8% daripada jumlah premium perniagaan hayat baru, mencerminkan minat mapan pengguna dalam insurans hayat bagi memenuhi objektif pelaburan jangka pendek dan sederhana. Sementara itu, penembusan pasaran yang diukur dari segi jumlah keseluruhan polisi berkuat kuasa kepada jumlah penduduk, meningkat kepada 38.7% pada akhir Jun 2006 (akhir Jun 2005: 38.1%).

Dalam **sektor insurans am**, premium yang diunderait berkembang sebanyak 4.5% kepada RM5,071 juta (Januari-Jun 2005: 10%; RM4,852 juta). Perniagaan insurans kebakaran mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.8% kepada RM946 juta disebabkan oleh penurunan kadar premium, terutamanya untuk industri berisiko tinggi. Perniagaan insurans motor yang menyumbang 43% kepada perniagaan insurans am, juga mencatatkan pertumbuhan nominal sebanyak 0.8% (Januari-Jun 2005: 15.7%). Pertumbuhan yang lebih perlahan terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dalam jualan kenderaan bermotor, akibat daripada kombinasi faktor seperti permintaan yang lebih lemah, pelarasan tarif untuk kenderaan bermotor di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP), penurunan nilai kenderaan terpakai, kredit penggunaan yang lebih ketat serta harga petrol yang lebih tinggi.

Jumlah manfaat dan tuntutan yang dibayar oleh industri insurans meningkat sebanyak 13.2% kepada RM5,293 juta pada separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: RM4,675 juta). Pembayaran manfaat bersih bagi polisi sektor insurans hayat terus mencakupi bahagian terbesar (61%) daripada jumlah manfaat dan tuntutan yang dibayar. Walaupun pertumbuhan premium yang lebih perlahan serta pembayaran manfaat dan tuntutan yang lebih tinggi, keuntungan industri insurans kekal mampan disokong persekitaran pelaburan yang baik. Ini membolehkan industri insurans memasuki kira semula peruntukan bagi penyusutan nilai pelaburan dan keuntungan daripada pelaburan. Dalam separuh pertama 2006, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan sektor insurans hayat telah meningkat 1.5%

JADUAL 5.11

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2005	Akhir Jun 2006¹
Perniagaan insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,365	603
Jumlah diinsuranskan	181,156.5	98,379.6
Jumlah premium	6,701.4	3,217.3
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	10,145	10,317
Jumlah diinsuranskan	644,295.5	662,551.9
Premium tahunan	12,308.1	12,656.9
Pendapatan premium	16,002.1	7,903.0
Bayaran manfaat	6,268.7	3,208.6
Kematian dan hilang upaya	772.1	387.4
Cukup tempoh/ <i>vesting</i>	1,504.7	683.1
Serahan/unit pembatalan bersih	1,808.0	1,015.7
Bonus tunai	816.9	327.4
Perubatan	704.6	428.4
Lain-lain	662.4	366.6
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	9,388.2	5,071.4
Premium bersih	7,551.7	3,922.1
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	966.9	584.4
Nisbah bendungan ² (%)	88.7	87.0
Bilangan syarikat insurans		
Langsung		
Hayat	7	8
Am	26	26
Komposit	9	8
Penginsuranaan semula		
Hayat	1	1
Am	5	4
Komposit	1	1

¹ Data awal.² Premium bersih kepada premium kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada RM5,254 juta, sementara keuntungan kendalian sektor insurans am bertambah baik sebanyak 7% kepada RM740 juta.

Jumlah aset industri insurans terus bertambah sebanyak 5.3% kepada RM101,777 juta pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM96,638 juta) seperti di *Jadual 5.12*. Perniagaan insurans hayat terus merupakan penyumbang utama jumlah aset industri dengan mencakupi 82% atau RM83,102 juta (akhir 2005: 81.4%; RM78,663 juta). Dari segi komposisi aset, hutang korporat dan sekuriti kekal sebagai kelas aset terbesar dengan sumbangan sebanyak 48.8% daripada jumlah aset (akhir 2005: 50%). Sungguhpun pelaburan dalam aset asing telah meningkat tiga kali ganda kepada RM696 juta, namun bahagian aset asing kekal kecil, iaitu kurang 1% daripada jumlah aset.

Prestasi Industri Takaful

Industri takaful terus berkembang...

Industri takaful terus berkembang pada enam bulan pertama 2006, dengan penunjuk utama industri menunjukkan pertumbuhan positif. Perniagaan takaful baru menjadi lebih perlahan dalam tempoh enam bulan pertama 2006 dengan jumlah caruman baru menurun 8.3% kepada RM359 juta (Januari-Jun 2005: 18.3%; RM392 juta) seperti di *Jadual 5.13*. Bagaimanapun, perniagaan takaful baru dijangka akan meningkat dalam separuh kedua 2006 dengan kehadiran pengendali takaful baru serta peningkatan usaha mempromosi produk takaful keluarga oleh pengendali takaful sedia ada. Perniagaan berkuat kuasa juga menunjukkan pertumbuhan positif dengan bilangan sijil dan sumbangan tahunan meningkat pada kadar dua angka sebanyak 17.2% dan 29.9%. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan marginal dalam kadar penamatan. Penembusan pasaran industri takaful yang diukur oleh bilangan sijil berkuat kuasa dibahagi jumlah penduduk, meningkat kepada 6.1% (akhir 2005: 5.6%).

Sumbangan kasar oleh perniagaan takaful am meningkat sebanyak 29.3% kepada RM392.3 juta pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun

JADUAL 5.12

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am
 (RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	Akhir 2005	Akhir Jun 2006 ¹	Akhir 2005	Akhir Jun 2006 ¹
Aset tetap	432.6	446.4	720.9	733.7
Pinjaman	9,725.1	10,228.5	244.8	247.4
Sekuriti Kerajaan	12,746.3	12,756.9	2,661.3	2,924.4
Hutang dijamin Kerajaan	-	-	10.0	10.0
Sekuriti korporat dan hutang	42,076.5	43,455.7	6,224.6	6,260.0
Pelaburan harta tanah	3,007.0	3,111.6	428.3	388.5
Tunai dan Deposit	8,278.2	10,101.0	5,562.6	5,634.1
Aset lain ²	2,396.9	3,001.6	2,123.2	2,744.3
Jumlah	78,662.6	83,101.7	17,975.7	18,675.4

¹ Data awal.² Termasuk pelaburan lain dan asing asing lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

2005: RM303.5 juta). Perniagaan kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh dan mencakupi 37% daripada jumlah sumbangan kasar, diikuti oleh perniagaan insurans kebakaran dengan 33.9%.

Jumlah aset industri takaful berkembang 10.8% kepada RM6,511 juta pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM5,878 juta) dan mencakupi 5.9% daripada jumlah aset sektor insurans. Dari segi agihan aset, ekuiti dan PDS Islam merupakan komponen aset terbesar berjumlah RM3,087 juta atau 47.4% daripada jumlah aset industri takaful.

Pasaran Modal

Penerbitan PDS yang lebih tinggi oleh sektor swasta...

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat 4.8% kepada RM36,543 juta pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -21.2%; RM34,864 juta) seperti di

Jadual 5.14. Paling penting, dana yang diperoleh oleh sektor swasta melalui pasaran hutang dan ekuiti mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak RM20,038 juta atau 58% daripada jumlah dana, sejajar dengan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Penerbitan sekuriti Kerajaan berkurang sebanyak 15.3% kepada RM14,506 juta (Januari-Jun 2005: -39.2%; RM17,135 juta), mencerminkan usaha konsolidasi Kerajaan. Sebaliknya, penerbitan PDS baru oleh sektor swasta meningkat ketara sebanyak 60.5% kepada RM21,357 juta (Januari-Jun 2005: -1.7%; RM13,309 juta). Setelah mengambil kira penebusan yang lebih tinggi, jumlah PDS bersih yang diterbitkan sebanyak RM8,175 juta adalah lebih besar berbanding RM5,019 juta pada tempoh yang sama tahun 2005. Sementara itu, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti pada enam bulan pertama 2006 berkurang dengan ketara kepada RM680 juta (Januari-Jun 2005: RM4,421 juta). Ini kerana bilangan penerbitan tawaran awam permulaan (IPO) yang lebih rendah dalam tempoh Januari-Jun 2006 serta IPO sebahagian besarnya ditawarkan oleh syarikat bermodal kecil.

JADUAL 5.13

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Tahun Kewangan 2005	Akhir Jun 2006
Aset¹ (RM juta)	5,878.4	6,510.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	662.2	692.0
Deposit pelaburan	1,470.7	1,817.3
PDS dan ekuiti Islam	2,997.7	3,087.1
Tunai dan baki di bank	161.6	204.2
Pembiayaan	62.3	58.9
Aset tetap	230.6	235.6
Lain-lain	293.3	415.4
Perniagaan takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	725.5	359
Jumlah penyertaan (RM juta)	36,281	19,615.7
Bilangan sijil	356,623	174,844
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman (RM juta)	576.1	674.0
Jumlah penyertaan (RM juta)	111,342.5	107,809.9
Bilangan sijil	1,499,691	1,629,624
Perniagaan takaful am		
Caruman kasar (RM juta)	553.8	392.3
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	133.8	100.7

¹ Jumlah aset kumpulan wang takaful keluarga dan takaful am.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dari segi penerbitan PDS mengikut sektor, syarikat dalam sektor perkhidmatan kewangan, harta tanah dan perniagaan merupakan penerbit utama PDS dengan mencakupi RM4,666 juta atau 29.7% daripada jumlah penerbitan PDS pada enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: RM4,043 juta; 33.3%) seperti di *Jadual 5.15*. Lebih daripada 60% hasil terbitan PDS digunakan bagi pembiayaan aktiviti baru (Januari-Jun 2005: 39.3%), mencerminkan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti pelaburan swasta seperti di *Carta 5.7*.

JADUAL 5.14

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari-Jun (RM juta)

	2005	2006 ¹
Oleh sektor awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	13,543.1	11,005.6
Bon Khazanah	833.2	0.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,001.1	3,500.0
Bon Simpanan Merdeka	758.0	0.0
Sekuriti hutang baru Kerajaan	17,134.3	14,505.5
Tolak: Penebusan	8,522.9	4,502.9
Dana bersih diperolehi	8,611.4	10,002.6
Oleh sektor swasta		
Saham²		
Tawaran awam permulaan	3,867.2	598.0
Terbitan hak	536.2	66.5
Tawaran persendirian	0.0	0.0
Terbitan khas	0.0	0.0
Waran	17.4	15.8
Terbitan saham baru	4,421.2	680.3
Sekuriti hutang² (kasar)		
Bon biasa	1,310.3	3,306.0
Bon boleh tukar	2,708.7	0.0
Bon Islam	2,668.4	3,360.0
Bon bersandarkan aset	497.3	745.9
Bon dengan waran	0.0	0.0
Nota jangka sederhana ³	4,944.2	8,295.5
Bon Cagamas	1,180.0	5,650.0
Terbitan baru sekuriti hutang	13,308.9	21,357.1
Tolak: Penebusan⁴	8,290.1	13,182.6
Sekuriti hutang baru	5,018.9	8,174.5
Dana bersih diperolehi	9,440.0	8,854.7
Jumlah dana bersih diperolehi	18,051.4	18,857.3

¹ Data awal.

² Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

³ Termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan sejak Julai 2000.

⁴ Dikelaskan sebagai instrumen PDS sejak Januari 2004.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.15

**Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹
Januari-Jun**

Sektor	2005		2006 ²	
	RM juta	% Sumb.	RM juta	% Sumb.
Pertanian	155.5	1.3	285.0	1.8
Pembuatan	1,127.1	9.3	270.8	1.7
Elektrik, gas dan bekalan air	3,433.9	28.3	3,242.1	20.6
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	122.0	1.0	5.4	0.0
Pembinaan	1,032.2	8.5	3,278.0	20.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,088.7	9.0	140.0	0.9
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	4,042.8	33.3	4,665.9	29.7
Kerajaan dan lain-lain	1,126.7	9.3	3,820.0	24.3
Jumlah	12,128.9	100.0	15,707.2	100.0


¹ Tidak termasuk bon Cagamas.² Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Inisiatif selanjutnya terus diambil ke arah membangunkan Malaysia sebagai pasaran modal bertaraf dunia. Inisiatif yang sedang diusahakan termasuk penggabungan undang-undang sekuriti dan niaga hadapan serta penubuhan pusat sehati untuk memproses visa dan permit kerja bagi pekerja asing di sektor kewangan yang akan dipusatkan di BNM dan SC.

Cagamas, Perbadanan Cagaran Malaysia, kekal sebagai penerbit aktif PDS dengan bon Cagamas terkumpul berjumlah RM26,225 juta atau 12.2% daripada jumlah PDS terkumpul pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: RM24,357 juta; 11.8%). Pada enam bulan pertama 2006, Cagamas menerbitkan 22 PDS baru dengan jumlah nilai nominal RM5,650 juta, mencakupi 26.5% daripada jumlah pasaran PDS (Januari-Jun 2005: 9 isu; RM1,180 juta). Bagaimanapun, jumlah dagangan sekunder bagi bon Cagamas

CARTA 5.7

**Terbitan Baru PDS Mengikut Penggunaan
Januari-Jun**

Sumber: Bank Negara Malaysia.

merosot dengan ketara sebanyak 52.2% kepada RM5,697 juta daripada RM11,922 juta pada tempoh yang sama tahun 2005 disebabkan ketidakpastian pasaran berhubung hala tuju kadar faedah pada masa depan.

Sebahagian besar terbitan baru PDS merupakan nota tetap berjumlah RM3,150 juta dan mencakupi separuh daripada bon Cagamas, diikuti oleh Sekuriti Bithaman Ajil dengan RM2,500 juta (40.5% bahagian). Pembelian pinjaman dan hutang bertambah tiga kali ganda kepada RM4,538 juta (Januari-Jun 2005: RM1,399 juta), disebabkan institusi kewangan didorong untuk menjual pinjaman dan hutang mereka kepada Cagamas bagi melindungi nilai daripada peningkatan kadar faedah, berikutan kenaikan OPR sebanyak dua kali pada enam bulan pertama 2006. Pada akhir Jun 2006, sebahagian besar bon Cagamas terus dipegang oleh institusi perbankan mencakupi 50.6% daripada jumlah bon Cagamas, diikuti oleh kumpulan wang simpanan dan pencen sebanyak 33%.

Semenjak diberikan mandat pada tahun 2004 untuk menjalankan penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan, Cagamas, melalui subsidiarinya Cagamas MBS Bhd, telah melancarkan tiga penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (RMBS) berjumlah RM6,046 juta. Daripada penerbitan tiga RMBS ini, satu merupakan RMBS Islam bernilai RM2,050 juta.

Dalam enam bulan pertama 2006, **Rating Agency Malaysia Bhd (RAM)** dan **Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC)** telah menarafkan 74 terbitan (Januari-Jun 2005: 74 terbitan). Walaupun nilai terbitan yang dicadangkan lebih tinggi sebanyak RM27,649 juta (Januari-Jun 2005: RM25,007 juta), namun pasaran modal juga dipengaruhi oleh jangkaan kenaikan kadar faedah. Sebahagian besar penarafan ditumpukan kepada PDS Islam, mencerminkan minat yang kukuh terhadap terbitan Islam dan sejajar dengan usaha berterusan untuk mempromosikan pasaran modal Islam domestik. Penarafan disempurnakan ke atas 35 terbitan Islam bernilai RM17,143 juta dan mencakupi 47.3% daripada jumlah penarafan PDS (Januari-Jun 2005: 58 terbitan; RM20,207 juta; 78.4%). Dari segi kelas penarafan, kebanyakan PDS yang diberi penarafan dikelaskan dalam kategori AAA, AA dan A, menggambarkan kecenderungan pasaran untuk sekuriti hutang yang mempunyai penarafan tinggi. Nilai yang lebih tinggi untuk PDS yang dicadang, sebahagian besarnya adalah daripada Khazanah, iaitu sebuah agensi pelaburan Kerajaan diikuti oleh cadangan terbitan di sektor perkhidmatan kewangan, infrastruktur dan utiliti serta sektor harta tanah.

Bursa Malaysia


Prestasi yang meningkat walaupun kebimbangan peningkatan inflasi dan kadar faedah...

Bursa Malaysia memulakan tahun 2006 dengan prestasi positif disokong sentimen pelabur yang bertambah baik berikutan prospek ekonomi yang menggalakkan dan aliran masuk portfolio asing yang berterusan. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) meningkat 26.84 mata atau 3% kepada 926.63 mata pada akhir Mac 2006 (akhir 2005: 899.79 mata). Nilai pasaran juga lebih tinggi

pada RM732.9 bilion (akhir 2005: RM695.3 bilion). Purata urus niaga harian juga meningkat lebih dua kali ganda kepada 779.5 juta unit pada suku pertama 2006 (Suku 4 2005: 303.9 juta unit). KLCI mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh enam tahun sebanyak 966.88 mata pada 9 Mei 2006 sebelum kebimbangan mengenai peningkatan kadar faedah AS dan tekanan inflasi dunia mula mempengaruhi pasaran utama dan serantau. Kemerosotan juga disebabkan oleh pembetulan ketara dalam harga komoditi global. KLCI ditutup rendah kepada 914.69 mata dengan nilai pasaran sebanyak RM721.8 bilion pada akhir Jun 2006. Pada Julai 2006, prestasi bursa global dan serantau turut terjejas disebabkan peningkatan ketegangan di Timur Tengah serta harga minyak mentah yang lebih tinggi mencecah \$AS78 setong. Walaupun begitu, KLCI ditutup lebih tinggi pada 935.85 mata pada akhir Julai 2006 berbanding bulan sebelumnya. Dari segi prestasi sehingga 15 Ogos 2006, KLCI meningkat 44.15 mata atau 4.9% kepada 943.94 mata seperti di *Carta 5.8*.

CARTA 5.8

Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

Dagangan Bursa Malaysia lebih aktif dengan jumlah urus niaga berkembang sebanyak 83.3% kepada 120.6 bilion unit pada tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 65.8 bilion unit) seperti di *Jadual 5.16 dan Carta 5.9*. Pasaran saham terus menarik penyertaan asing, mencakupi 34.7% daripada aktiviti dagangan (Januari-Jun 2005: 34.4%). Dari segi sektor, pasaran MESDAQ mencatatkan prestasi terbaik pada tujuh bulan pertama 2006, berikutan pembetulan yang ketara pada tahun

JADUAL 5.16

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih Januari-Julai

	2005	2006
Indeks harga¹		
Komposit	937.39	935.85
EMAS ²	213.88	—
Papan Kedua	91.90	90.24
Pasaran MESDAQ	95.09	118.97
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	65,794.8	120,601.1
Nilai (RM juta)	112,972.2	141,631.3
Purata urus niaga harian³		
Bilangan (juta unit)	463.3	849.3
Nilai (RM juta)	795.6	997.4
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	724,971.6	727,792.4
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	146.4	132.7
Jumlah syarikat disenaraikan¹		
Papan Utama	642	649
Papan Kedua	269	258
Pasaran MESDAQ	86	122
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/nilai pasaran (%)	15.6	19.5
Jumlah urus niaga/jumlah sekuriti disenaraikan (%)	20.8	36.7
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	36.1	35.4
Purata modal berbayar syarikat broker saham ¹ (RM juta)	170.6	155.4

¹ Akhir tempoh.

² Indeks EMAS digantikan dengan Indeks FBMEMAS pada 26 Jun 2006.

³ Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja semasa tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.

2005 serta didorong oleh peningkatan dalam kitaran elektronik seperti di *Jadual 5.17*. Indeks pasaran MESDAQ meningkat 36.6% kepada 118.97 mata pada akhir Julai 2006 (akhir 2005: -29.1%; 87.09 mata).

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber modal yang penting untuk sektor korporat, dengan sejumlah 26 IPO diterbitkan pada tujuh bulan pertama 2006. Sebahagian besar IPO ditawarkan oleh syarikat bermodal kecil dan sederhana, dengan pasaran MESDAQ menarik 16 IPO, Papan Kedua enam dan Papan Utama empat, menjadikan bilangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia kepada 1,029 pada akhir Julai 2006 (Januari-Julai 2005: 47 IPO; 997 syarikat tersenarai). Dana yang digembleng menerusi pasaran ekuiti berjumlah RM1,439.8 juta pada tempoh ini (Januari-Julai 2005: RM5,615 juta).

Antara usaha untuk meningkatkan tarikan bursa domestik di kalangan pelabur global, Bursa Malaysia telah melancarkan Fasa 1 Siri

JADUAL 5.17


Bursa Malaysia: Prestasi Indeks Terpilih

Indeks	Akhir Dis. 2005	Akhir Jul. 2006	Perubahan (%)
Komposit	899.79	935.85	4.0
EMAS	203.85	—	—
Papan Kedua	80.44	90.24	12.2
Pasaran MESDAQ	87.09	118.97	36.6
Syariah	127.12	135.09	6.3
FBM100 ¹	—	6,044.78	—
FBM30 ¹	—	6,055.80	—
FBM70 ¹	—	6,001.67	—
FBMSCAP ¹	—	6,266.21	—
FBMEMAS ¹	—	6,073.08	—
FBMFLG ¹	—	6,194.17	—
Pembinaan	127.00	155.99	22.8
Barangan pengguna	220.66	241.12	9.3
Kewangan	7,204.35	7,472.50	3.7
Perusahaan	2,040.95	1,945.34	-4.7
Barangan perusahaan	74.65	77.88	4.3
Perlombongan	314.98	376.65	19.6
Perladangan	2,798.71	3,506.35	25.3
Harta benda	524.64	584.21	11.4
Teknologi	26.81	27.29	1.8
Dagangan/perkhid.	129.67	130.50	0.6

¹ Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia telah dilancarkan pada 26 Jun 2006.

Sumber: Bursa Malaysia dan Bloomberg.

CARTA 5.9

Bursa Malaysia: KLCI dan Jumlah Urus Niaga

Indeks FTSE Bursa Malaysia yang baru pada 26 Jun 2006. Indeks baru FTSE Bursa Malaysia dijangka dapat menonjolkan pasaran saham domestik dan membantu memacu kewujudan produk pelaburan baru seperti dana dagangan bursa, derivatif dan produk di atas kaunter (OTC). Indeks FTSE Bursa Malaysia yang mencatatkan prestasi terbaik adalah Indeks *FTSE-Bursa Malaysia Large 30* yang meningkat 4.3% kepada 6,105.30 mata pada 15 Ogos 2006 (26 Jun 2006: 5,855.10 mata).

Prestasi Industri Unit Amanah

Industri unit amanah berkembang dengan sederhana...

Industri unit amanah berkembang dengan sederhana pada enam bulan pertama 2006. Sebanyak 33 dana baru telah dilancarkan pada enam bulan pertama 2006 (2005: 51 dana),

JADUAL 5.18

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terkini

	Akhir 2005	Akhir Jun 2006
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	36	36
Jumlah dana unit amanah ¹	323	356
Konvensional	244	268
Islam	79	88
Unit dalam edaran (juta)	139,386	148,336
Bilangan akaun (juta)	10.9	11.1
Jumlah aset bersih (NAV) (RM juta)	98,485	105,294
Konvensional	89,988	96,544
Islam	8,487	8,750
NAV/Nilai pasaran Bursa Malaysia (%)	14.2	14.6

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

menambahkan jumlah dana kepada 356 pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 323 dana) seperti di *Jadual 5.18*. Unit dalam edaran meningkat sebanyak 6.4% kepada 148.34 bilion unit pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 17.5%; 139.39 bilion unit). Sementara itu, sebanyak RM4.02 bilion telah dilaburkan di luar negara pada akhir Mei 2006 (akhir 2005: RM3.48 bilion) berikutan peningkatan aras ambang untuk pelaburan di luar negara daripada 10% kepada 30% daripada jumlah nilai aset bersih (NAV) dana pemastautin berkuat kuasa 1 April 2005. Sehingga akhir Mei 2006, SC telah meluluskan 24 dana global dengan saiz dana berjumlah RM18.49 bilion. NAV industri unit amanah juga meningkat 6.9% kepada RM105,294 juta pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 12.7%; RM98,485 juta).

Segmen unit amanah Islam juga berkembang dengan sembilan dana Islam baru dilancarkan pada enam bulan pertama 2006 menjadikan jumlahnya sebanyak 88 dana pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 79 dana unit amanah Islam). Bagaimanapun, NAV dana Islam meningkat lebih perlahan sebanyak 3.1% dan mencakupi 8.3% daripada jumlah NAV industri unit amanah pada akhir Jun 2006 (akhir 2005: 25.5%; 8.6%). Pada Julai 2006, Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) Islam yang pertama telah dilancarkan, sejajar dengan usaha berterusan untuk menggalakkan pasaran modal Islam.

Sambutan pelabur adalah positif terhadap pengenalan REIT sebagai satu lagi instrumen pelaburan, dengan jumlah urus niaga mencatatkan RM311 juta pada enam bulan pertama 2006 berbanding RM342 juta pada 2005. Langkah yang diambil baru-baru ini pada Julai 2006 yang membenarkan industri REIT meminjam sehingga 50% daripada nilai jumlah aset mereka berbanding 35% sebelum ini, dijangka merangsang lagi minat pelabur dalam REIT. Nisbah penggearing yang lebih tinggi juga meningkatkan daya saing REIT negara berbanding REIT di negara serantau.

Pasaran Derivatif

Dagangan derivatif yang lebih tinggi...

Dagangan di **Bursa Malaysia Derivatives** lebih tinggi melebihi dua juta kontrak pada tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 1.4 juta kontrak). Pasaran niaga hadapan minyak sawit mentah (CPO) mencatatkan prestasi

terbaik dan mencakupi 45.4% daripada jumlah dagangan. Urus niaga kontrak niaga hadapan CPO meningkat 30% kepada 918,805 kontrak (Januari-Julai 2005: 708,628 kontrak). Purata harga tanda aras niaga hadapan CPO 3-bulan adalah sebanyak RM1,468 setan bagi tempoh Januari-Julai 2006 (Januari-Julai 2005: RM1,405 setan). Dagangan niaga hadapan CPO meningkat ketara sebanyak 85.7% pada Julai berbanding Jun 2006 didorong oleh potensi peningkatan permintaan daripada loji biodiesel berasaskan minyak sawit.

Pasaran niaga hadapan KLCI kekal aktif dengan kenaikan dagangan sebanyak 45.7% kepada 904,573 kontrak (Januari-Julai: 620,877 kontrak), mencakupi 44.7% daripada jumlah dagangan derivatif. Pasaran niaga hadapan kewangan juga meningkat, dengan dagangan niaga hadapan 3-bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) meningkat hampir 70% kepada 174,972 kontrak (Januari-Julai 2005: 103,147 kontrak). Urus niaga yang lebih tinggi ini disebabkan jangkaan pasaran mengenai kenaikan kadar faedah domestik. Jumlah dagangan niaga hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) bertambah lebih dua kali ganda kepada 24,610 kontrak (Januari-Julai 2005: 10,512 kontrak). Niaga hadapan SKM 5-tahun dengan jumlah 22,991 kontrak menyumbang sebahagian besar kepada dagangan yang lebih tinggi ini, disebabkan penumpuan aktiviti pasaran produk asas untuk tempoh pemegangan 5-tahun.

Tranche pertama SSF yang telah diperkenalkan pada April 2006 berasaskan 10 saham Papan Utama, mencatatkan 948 kontrak sehingga Julai 2006. Prestasi SSF yang kurang memberangsangkan disebabkan oleh kekurangan pengantara pasaran serta kekurangan pengetahuan dan kefahaman pelabur mengenai produk derivatif baru.

Kemajuan Pelan Induk Pasaran Modal

Pelaksanaan CMP berada di peringkat pertengahan pada 2006, dengan 66% perakuan disempurnakan...

Pelaksanaan **CMP** berada di peringkat pertengahan pada tahun 2006 dan memasuki Fasa 3 yang meliputi tempoh 2006-2010. Pada

akhir Jun 2006, sebanyak 101 perakuan atau 66% daripada jumlah keseluruhan perakuan CMP telah disempurnakan dengan baki 51 perakuan masih dalam proses pelaksanaan. Fasa 2 CMP (2004-2005) menumpukan kepada usaha memperkukuh sektor utama dan liberalisasi kepada akses pasaran secara berperingkat-peringkat. Fasa 3 CMP pula akan tertumpu kepada usaha mengukuhkan lagi proses dan infrastruktur pasaran untuk menjadi pasaran modal yang membangun sepenuhnya serta meningkatkan kedudukan pasaran modal domestik dalam bidang yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Antara lain, inisiatif yang diambil pada tahun 2006 akan terus menekankan usaha mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih fasilitatif serta meningkatkan lagi kualiti syarikat.

Prospek 2007

Dasar monetari untuk memastikan pertumbuhan dengan kestabilan harga, disokong oleh keteguhan pasaran kewangan...

Dasar monetari pada tahun 2007 akan terus menekankan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran kestabilan harga. Dengan momentum

pertumbuhan dijangka mapan pada tahun 2007, cabaran utama dasar monetari adalah untuk memastikan jangkaan inflasi dikawal dengan baik dan keadaan pembiayaan terus meyokong aktiviti pelaburan. Pengawasan oleh BNM menunjukkan bukti jelas bahawa kesan pusingan kedua terhadap paras harga am adalah terhad serta kurang tanda bahawa inflasi berpunca daripada tekanan permintaan. Bagaimanapun, dasar monetari akan terus berwaspada terhadap risiko inflasi. Hala tuju dasar monetari akan ditentukan berdasarkan penilaian mengenai implikasi daripada perkembangan dan maklumat baru terhadap prospek jangka sederhana kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Sementara itu, sektor kewangan yang lebih kukuh dan berdaya saing berada di kedudukan baik untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi yang kian bertambah di samping menghadapi persaingan yang meningkat, berikutan langkah yang telah diambil sejak beberapa tahun untuk memperkukuhkan sektor ini. Usaha yang berterusan akan juga diambil bagi menggalakkan pasaran yang lebih cergas serta meningkatkan lagi daya saing. Malaysia juga akan terus menggunakan kekukuhan dalam kewangan Islam untuk menampilkan negara sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terunggul.


INDUSTRI UNIT AMANAH DI MALAYSIA

Pengenalan

Unit amanah merupakan instrumen pelaburan yang membolehkan individu mengumpulkan dana mereka untuk dilaburkan dalam satu portfolio sekuriti atau aset lain. Pengurus dana profesional kemudiannya akan mengurus dan melaburkan dana terkumpul itu bagi individu tersebut. Pelabur boleh memilih daripada pelbagai jenis tabung unit amanah iaitu ekuiti, pendapatan tetap, pasaran wang atau amanah pelaburan harta tanah (REIT).

Sejak penubuhan unit amanah yang pertama pada tahun 1959, industri unit amanah di Malaysia semakin berkembang pesat didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan tahap tabungan yang tinggi. Industri unit amanah telah berkembang daripada cuma lima syarikat pengurusan unit amanah dan 18 dana bagi tempoh 1959 hingga 1979 kepada 36 syarikat pengurusan unit amanah dan 340 dana unit amanah, dengan jumlah dana yang diuruskan bernilai RM98.5 bilion pada akhir tahun 2005.

Bilangan Syarikat Pengurusan, Dana Diluluskan, Jumlah Saiz Dana Diluluskan dan Unit Dalam Edaran



¹ Termasuk dana yang diluluskan tetapi belum dilancarkan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.


Perkembangan Industri Unit Amanah

Industri unit amanah mengalami pertumbuhan yang memberansangkan sepanjang tempoh 1993 hingga 2005. Bilangan dana yang diluluskan meningkat melebihi tujuh kali ganda daripada 44 dana pada akhir 1993 kepada 340 dana pada akhir 2005. Saiz industri dari segi nilai aset bersih (NAV) berkembang sebanyak 250% sejak tahun 1993 kepada RM98.49 bilion pada akhir 2005. Pelaburan ekuiti oleh dana unit amanah merupakan bahagian terbesar dengan jumlah RM67.2 bilion atau 68.2% daripada jumlah NAV pada akhir 2005, sementara pelaburan dalam pendapatan tetap mencakupi RM10.3 bilion atau 10.5% daripada jumlah NAV. Tahap penembusan, yang diukur oleh nisbah NAV industri unit amanah kepada permodalan pasaran ekuiti, meningkat kepada 14.2% pada tahun 2005 daripada 4.5% pada tahun 1993. Bagaimanapun, dengan kadar tabungan negara

yang tinggi sebanyak 37.1% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) serta kumpulan aset boleh dilabur yang signifikan (melebihi RM750 bilion pada akhir tahun 2005), terdapat potensi yang besar untuk mempromosikan unit amanah sebagai instrumen pelaburan. Di samping itu, deposit tabungan individu dengan institusi perbankan juga tinggi.

Sementara itu, usaha yang berterusan untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal Islam telah menghasilkan pertumbuhan yang pesat bagi dana Islam. Sehingga akhir 2005, terdapat 83 dana Islam (2000: 17 dana Islam) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). NAV dana Islam juga telah meningkat kepada 8.6% daripada jumlah NAV industri unit amanah pada akhir 2005 (2000: 3.9%).

Jumlah NAV Berbanding Nilai Pasaran



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Inisiatif Utama dalam Menggalakkan Industri Unit Amanah

Pengawalseliaan industri unit amanah yang diletakkan di bawah SC sejak tahun 1993 telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pesat industri unit amanah di Malaysia. Beberapa langkah telah diambil untuk menggalakkan pembangunan industri unit amanah. Langkah ini berkaitan dengan pengenalan produk baru, liberalisasi, perluasan penyertaan pasaran, pengurangan tempoh masa ke pasaran dan peningkatan perlindungan pelabur. Pada Januari 2005, Garis Panduan Dana Amanah Harta yang lama telah disemak dan dinamakan semula sebagai Garis Panduan REIT, dengan objektif untuk mempercepatkan pertumbuhan industri REIT negara yang lebih berdaya saing dan dinamik. Pengeluaran garis panduan REIT yang telah disemak semula bersama insentif cukai telah merangsang minat di kalangan peserta industri dan pelabur dalam pelaburan harta tanah. Sehingga 15 Ogos 2006, terdapat lapan REIT yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Jumlah urus niaga REIT juga meningkat ketara kepada RM341.6 juta pada tahun 2005 daripada RM11.8 juta pada tahun 2004. Garis Panduan bagi REIT Islam juga dikeluarkan bagi menggalakkan penyertaan REIT Islam.

Garis Panduan bagi Dana Dagangan Bursa yang dikeluarkan pada tahun 2005 menyediakan satu rangka kerja untuk memperkenalkan satu kelas aset baru yang dikenali sebagai dana dagangan

bursa (ETF). ETF merupakan satu pengesanan unit amanah menjejak indeks yang tersenarai di Bursa Malaysia. Berikutan pengeluaran garis panduan ini, Dana Indeks Bon ABF Malaysia (ABFM) telah diperkenalkan sebagai ETF yang pertama di Malaysia.

Kelonggaran selanjutnya telah diberikan kepada unit amanah untuk melabur di luar negara, dengan aras ambang dinaikkan daripada 10% kepada 30% daripada jumlah NAV dana pemastautin berkuat kuasa 1 April 2005. Minat bagi pelaburan luar pesisir telah meningkat berikutan kelonggaran kepada syarikat pengurusan unit amanah untuk mempelbagaikan portfolio mereka. Pada akhir Mei 2006, sebanyak 24 dana global dengan saiz dana berjumlah RM18.49 bilion telah diluluskan oleh SC, dengan nilai RM4.02 bilion dilaburkan di luar negara. Selain dana global, dana unit amanah yang sedia ada juga telah mula meningkatkan pelaburan mereka di pasaran luar negara.

Menyedari sinergi dan manfaat daripada peningkatan integrasi antarabangsa, Kerajaan telah membenarkan lima broker saham asing dan lima pengurus dana global beroperasi di Malaysia. Sehingga kini, lima syarikat broker saham asing dan satu syarikat pengurusan dana asing telah mula beroperasi di Malaysia. Kehadiran syarikat asing dalam pasaran modal domestik dijangka dapat merangsang inovasi produk dan meningkatkan persaingan serta menarik kemasukan modal asing. Ekuiti asing dalam syarikat pengurusan unit amanah juga telah dinaikkan kepada 49% daripada 30% untuk menggalakkan penyertaan asing yang lebih besar dalam industri unit amanah.

Langkah utama lain termasuk pengenalan rangka kerja pengawalseliaan yang seragam bagi menyelaraskan peraturan perlesenan industri pengurusan pelaburan serta mempromosikan urusan niaga dan aktiviti unit amanah dalam talian. Satu pangkalan data dalam talian bagi unit amanah juga telah diperkenalkan untuk membantu menggalakkan pendidikan pelabur dan menyokong penyelidikan pasaran modal. Peserta industri yang dibenarkan untuk menawarkan unit amanah juga diperluaskan, merangkumi pengurus dana berlesen, broker universal dan penasihat pelaburan. Tempoh masa ke pasaran untuk produk unit amanah kepada pelabur juga diperbaiki pada tahun 2005, dengan SC mendaftarkan prospektus untuk dana unit amanah dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan prospektus tersebut, yang kemudiannya akan disemak (*post-vetted*). Sebelum ini, prospektus untuk unit amanah akan disemak terlebih dahulu (*pre-vetted*) dan akan mengambil masa sehingga sebulan untuk didaftarkan.

SC juga memperkenalkan garis panduan pematuhan bagi pengurus dana untuk memperkukuhkan lagi perlindungan pelabur. Garis panduan ini memerlukan pengurus dana melaksanakan amalan terbaik berhubung dagangan dan pengurusan portfolio, perlindungan aset pelanggan dan pematuhan kepada Akta Pengubahan Wang Haram 2001.

Merangsang Pertumbuhan Industri Unit Amanah

Walaupun industri unit amanah telah mencapai pertumbuhan pesat, namun masih terdapat potensi untuk memperkembangkan unit amanah sebagai instrumen pelaburan yang berdaya maju. Ini adalah memandangkan tahap penembusan yang masih rendah di Malaysia berbanding negara maju serta jumlah besar aset boleh labur yang tersimpan sebagai tabungan individu di institusi perbankan. Sehubungan itu, industri unit amanah harus mengambil usaha yang berterusan untuk merangsang minat pelabur dalam unit amanah sebagai alternatif pelaburan pilihan. Industri unit amanah juga mesti terus menawarkan produk yang inovatif dan berdaya saing untuk menggalakkan pelabur memindah simpanan kepada pelaburan unit amanah. Syarikat pengurusan unit amanah juga harus menerima dan mengamalkan piawaian profesionalisme yang tinggi, terutamanya oleh kakitangan jualan mereka untuk memupuk keyakinan pelabur terhadap industri unit amanah. Mereka perlu menyediakan perkhidmatan yang cekap dan kos efektif serta selalu berusaha memastikan pulangan maksimum bagi pelaburan pelanggan mengikut piawaian dan amalan berhemat. Kerajaan pula akan terus menumpukan usaha bagi menjamin perkembangan industri unit amanah dalam persekitaran yang dikawal selia dengan baik serta memberi penekanan kepada perlindungan pelabur.

Kesimpulan

Industri unit amanah telah berkembang pesat disokong oleh peningkatan minat dalam unit amanah sebagai instrumen pelaburan yang berdaya maju. Potensi memperkembangkan industri unit amanah amat besar, memandangkan jumlah tabungan individu yang tinggi dan masih belum digunakan. Meskipun Kerajaan akan terus memudahkan pembangunan dan pertumbuhan industri unit amanah secara teratur, namun industri unit amanah sendiri mesti terus meningkatkan kapasiti dan keupayaannya bagi merebut peluang daripada potensi pertumbuhan unit amanah untuk menggalakkan pelaburan dalam unit amanah.

Langkah Utama Pasaran Modal

Langkah tertumpu kepada pengukuhan pasaran modal...

Beberapa langkah pasaran modal diperkenalkan pada enam bulan pertama 2006 bertujuan untuk memperkukuh pasaran modal dan mempertingkatkan daya saing antarabangsa. Langkah utama termasuk seperti berikut:

Memperkukuh Ketelusan Harga dan Standard Profesional dalam Pasaran Bon

- Pada 25 Januari, SC mengeluarkan Garis Panduan Pendaftaran Agensi Penentuan Harga Bon (BPA) untuk memudahkan pengenalan agensi penentuan harga bon. Di bawah garis panduan ini, BPA mesti didaftarkan dengan SC untuk menyediakan harga nilai berpatutan harian yang bebas dan objektif bagi semua bon berdenominasi ringgit yang didagangkan secara OTC di pasaran bon. Langkah ini akan menyediakan harga nilai berpatutan yang bebas serta boleh dipercayai kepada pengurus dana dan pelabur institusi untuk melakukan penilaian harian pasaran semasa terhadap portfolio bon mereka.
- Pada 25 Januari, Nota Amalan mengenai Pengiktirafan Agensi Penarafan Kredit bagi Tujuan Penarafan Terbitan Bon juga dikeluarkan. Nota amalan ini menyediakan kriteria pengiktirafan bagi memastikan agensi penarafan kredit melaksanakan standard profesionalisme dan ketekunan wajar yang tinggi dalam memberikan penarafan dan memantau bon korporat dan sekuriti Islam serta menyebarkan maklumat penarafan yang mencukupi dan bertepatan masa kepada pelabur.
- Pada 24 April, SC mengeluarkan Nota Amalan untuk mengguna pakai Garis Panduan Tawaran PDS bagi penerbitan kertas komersil atau kombinasi kertas komersil dan nota jangka sederhana.

Meningkatkan Kualiti Syarikat Tersenarai

- Pada 5 Mei, Bursa Malaysia membuat beberapa pindaan kepada syarat penyenaian berhubung dengan keadaan kewangan dan tahap operasi syarikat yang tersenarai. Dengan pindaan ini, kriteria untuk pengelasan sebagai syarikat PN17 telah diperketat. Pindaan juga bertujuan untuk mempercepat penstrukturan semula syarikat tersenarai yang mengalami masalah kewangan dan syarikat dengan tahap operasi yang tidak memadai. Objektif utama pindaan adalah untuk meningkatkan kualiti syarikat tersenarai di samping memperkukuh perlindungan pelabur dan menggalakkan keyakinan pelabur.
- Pada 8 Mei, Bursa Malaysia mengeluarkan Keperluan Penyenaian Pasaran MESDAQ (MMLR) yang disusun semula bagi memperkukuh dan meningkatkan pasaran MESDAQ. Antara lain, perubahan utama di bawah MMLR yang disusun semula termasuk peningkatan keperluan berhubung penzahiran korporat, ketelusan, tadbir urus korporat, obligasi pascapenyenaian bagi menghalang kehilangan aset dan mengekalkan keperluan modal serta kualiti syarikat MESDAQ dan transaksi pihak berkaitan.
- Pada 22 Jun, SC mengeluarkan Nota Panduan bagi meningkatkan syarat penyenaian untuk syarikat domestik di bawah ujian permodalan pasaran. Di bawah keperluan baru ini, syarikat domestik mesti mempunyai permodalan pasaran sekurang-kurangnya RM500 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM30 juta bagi tahun kewangan terkini untuk penyenaian di Papan Utama.

Memperkukuh Kedudukan Daya Saing Malaysia Melalui Liberalisasi

- Pada 23 Mac, SC mengeluarkan Nota Amalan untuk menjelaskan penggunaan Garis Panduan Tawaran PDS berkaitan dengan penerbitan sekuriti hutang berdenominasi ringgit di Malaysia oleh kerajaan asing dan agensi atau organisasi kerajaan asing. Nota Amalan untuk menjelaskan penggunaan Garis Panduan Tawaran PDS Islam juga telah dikeluarkan.
- Pada 22 Jun, SC mengeluarkan Nota Panduan untuk memudahkan penyenaian di Bursa Malaysia oleh syarikat milik asing yang mempunyai operasi di luar negara serta penyenaian sekunder di bursa saham asing oleh syarikat Malaysia yang tersenarai di Papan Utama. Liberalisasi ini akan mempertingkatkan kepelbagaian penawaran dan menggalak hubungan kait dengan pasaran lain. Liberalisasi ini juga dijangka meningkatkan integrasi pasaran modal Malaysia di peringkat antarabangsa serta memperluas rangkaian peluang pelaburan kepada pelabur.

Memperluas Produk Pasaran Modal Islam

- Pada 26 Jun, Majlis Penasihat Syariah SC meluluskan SSF sebagai instrumen mematuhi syariah. SSF diperkenalkan oleh Bursa Malaysia pada April 2006 sebagai satu instrumen untuk mengurus risiko harga saham serta memudahkan pelabur menyertai pasaran saham dengan kos lebih murah. SSF memberikan pelabur satu lagi alternatif pelaburan Islam.

Mempercepat Pertumbuhan Industri Pengurusan Pelaburan

- Pada 7 April, SC mengeluarkan Garis Panduan Skim Pelaburan Terhad untuk menetapkan keperluan untuk pengurus dana berkaitan dengan skim pelaburan terhad, di mana dana yang mempunyai objektif pelaburan bersama dikumpulkan untuk tujuan pelaburan. Skim pelaburan seperti ini akan terkandung di bawah lingkungan skim unit amanah dan memerlukan kelulusan SC.
- Pada 17 Mei, SC mengeluarkan Nota Panduan kepada Garis Panduan Dana Unit Amanah bagi menetapkan peruntukan mengenai pelaburan unit amanah dalam waran dan opsyen. Antara lain, peruntukan ini termasuk syarat bagi pelaburan dalam opsyen didagangkan secara OTC, penzahiran berhubung langkah pengurusan risiko berkaitan dengan pelaburan dalam waran dan opsyen serta batasan pemegangan dana unit amanah dalam waran dan opsyen. Nota Panduan kepada Garis Panduan Dana Unit Amanah juga dikeluarkan berhubung pelaburan unit amanah dalam produk berstruktur.
- Pada 25 Mei, SC memperkenalkan pangkalan data unit amanah dalam talian, yang mengandungi prospektus, surat ikatan amanah, laporan tahunan, penyata kewangan dan laporan pengarah bagi semua unit amanah Malaysia yang diterbitkan dari tahun 1996 hingga sekarang. Pangkalan data dalam talian ini akan membantu menggalakkan pendidikan pelabur serta menyokong penyelidikan pasaran modal.
- Pada 29 Mei, SC menjelaskan bahawa syarikat pengurusan dana tidak perlu mendapat kelulusan SC untuk melabur di bursa asing yang diterima sebagai "pasaran luar negara diluluskan" oleh SC (bursa saham yang diiktiraf oleh Bursa Malaysia dan bursa niaga hadapan yang ditetapkan di bawah Akta Industri Niaga Hadapan 1993). Bagaimanapun, syarikat pengurusan dikehendaki mengemukakan pemberitahuan mengenai bursa asing yang akan dilabur oleh sesuatu dana.

Meningkatkan Kecairan Dalam Pasaran Ekuiti

- Pada 26 Jun, Bursa Malaysia dan kumpulan FTSE melancarkan Fasa 1 Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia baru, yang mengandungi enam indeks (Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia, Indeks *FTSE Bursa Malaysia Large 30*, Indeks *FTSE Bursa Malaysia Mid 70*, Indeks *FTSE Bursa Malaysia 100*, Indeks *FTSE Bursa Malaysia Small Cap* dan Indeks *FTSE Bursa Malaysia Fledgling*). Siri indeks baru ini yang telah dibangunkan menggunakan tanda aras pasaran maju, akan membantu menggalakkan lebih ramai pelabur ke pasaran ekuiti domestik di samping meningkatkan ketelusannya.

Meningkatkan Kecairan Dalam Pasaran Derivatif

- Pada 28 April, *tranche* pertama SSF telah dilancarkan. Pengenalan SSF penting kerana ia memudahkan penemuan harga, menyediakan alat pengurusan risiko tambahan untuk pelabur dan juga mengurangkan kos pendedahan kepada pasaran. Untuk menggalakkan penyertaan pasaran bagi SSF, Bursa Malaysia telah mengecualikan yuran bursa dan yuran penjelasan untuk tiga bulan pertama dari tarikh pelancaran serta mengecualikan yuran penghantaran data untuk vendor maklumat bagi 12 bulan pertama dari tarikh pelancaran.

Meningkatkan Penggunaan ICT Bagi Segmen Pasaran

- Pada 6 Januari, SC mengeluarkan Garis Panduan Pendaftaran Sistem Pembrokeran Elektronik. Garis panduan ini menentukan keperluan pengawalseliaan dan prosedur untuk dipatuhi oleh broker wang berlesen berkaitan dengan sistem pembrokeran elektronik.

Mempertingkat Perlindungan Pemegang Saham dan Pelabur

- Pada 26 April, SC mengeluarkan satu set garis panduan yang dipertingkat bagi penempatan sekuriti. Garis panduan ini bertujuan meningkatkan perlindungan bagi pemegang saham dan pelabur sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membangunkan lagi rangka kerja yang memudahkan penajaan dana.
- Pada 29 Mei, Bursa Malaysia mengumumkan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian dan MMLR berkaitan dengan penerbitan bonus. Di bawah pindaan ini, syarikat tersenarai awam (PLC) tidak dibenarkan menerbitkan bonus apabila kerugian terkumpul PLC melebihi simpanan yang akan digunakan untuk terbitan bonus.
- Pada 1 Julai, Dana Jaminan Penjelasan (CGF) berjumlah RM100 juta yang ditubuhkan oleh Bursa Malaysia telah mula beroperasi. Tujuan CGF ialah untuk menangani risiko kredit atau mudah tunai yang berpotensi menjadi besar sekiranya peserta penjelasan dagangan gagal menjelaskan bayaran atau membuat serahan.